

# KLINDAM CAPSULE

Clindamycin hydrochloride (150mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Klindam*
2. Bagaimana *Klindam* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Klindam*
4. Cara menggunakan *Klindam*
5. Semasa menggunakan *Klindam*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Klindam*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Klindam*

Ia adalah antibiotik rawatan jangkitan serius saluran pernafasan (pneumococci, streptococci dan staphylococci) atau kulit (streptococci and staphylococci). Ia juga digunakan untuk keadaan di mana penggunaan antibiotik penicillin tidak sesuai. Ia juga merawat jangkitan oleh bakteria anaerobik dalam saluran pernafasan (kerosakan paru-paru, inflamasi dan nanah), jangkitan kulit dan tisu lembut yang serius, keracunan darah, nanah dalam abdomen, jangkitan saluran genital dan pelvik perempuan (endometritis, nanah tiub-ovari, inflamasi lapisan pelvik dan jangkitan vagina selepas pembedahan).

## Bagaimana *Klindam* berfungsi

Clindamycin adalah antibiotik yang membunuh bakteria yang sensitif kepadanya.

## Sebelum mengambil *Klindam*

### - Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap clindamycin atau ramuan-ramuan lain *Klindam*.

### - Sebelum mula mengambil

- Berhati-hati jika anda:
- mengalami penyakit perut usus
  - warga tua
  - perempuan yang mengalami cirit-birit dan inflamasi usus besar.
  - keturunan alahan kepada clindamycin
  - mempunyai gangguan hati atau buah pinggang
  - mempunyai bayi berumur kurang daripada 1 bulan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

- ubat untuk saraf dan otot – kesan bertambah.
- ubat untuk cirit-birit (diphenoxylate, loperamide dan opioids) – sindrom pseudomembranous colitis bertambah teruk
- ampaian kaolin-pectin – mengurangkan penyerapan clindamycin.

- antibiotik (chloramphenicol dan erythromycin) – mengurangkan kesan clindamycin.

## Cara menggunakan *Klindam*

### - Berapa banyak harus diambil

Dewasa: 150 – 300 mg setiap 6 jam. Jangkitan serius, dos mungkin ditingkatkan kepada 450mg setiap 6 jam.

### - Bila perlu diambil

Ambil ubat ini 1 jam sebelum atau 2 jam selepas makan.

### - Berapa lama perlu diambil

Anda perlu menghabiskan jangka rawatan Ubat. Perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan *Klindam*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Keselamatan ubat semasa hamil belum disahkan. Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, Elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor

## Kesan-kesan sampingan

Cirit-birit, loya, muntah, kesakitan abdomen atau kekejangan. Tindak balas hipersensitiviti (ruam kulit dan hives) dan jarang, tindak balas serius dan merbahaya. Kesan-kesan sampingan lain termasuk gangguan darah sementara dan keputusan ujian fungsi hati yang tidak normal. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Klindam*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Kapsul keras legap warna merah ungu dan ungu.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: clindamycin hydrochloride
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose monohydrate, aerosil 200 and magnesium stearate

### - Nombor MAL:

MAL19991431AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

24/10/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)241017/00278